

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH : 01 – 07 OKTOBER 2020

KERATAN AKHBAR

**SELANGOR** **Rebut Peluang!**

PERCUMA EDISI 1 - 7 Oktober 2020, 13 - 19 Safar 1442

PAMERAN KERJAYA  
3 - 4 Oktober 2020  
SACC, Shah Alam

3,000 belia sertai RiDE  
akhir Oktober  
MUKA 2

Negeri ganti 1,177  
hektar hutan simpan  
MUKA 4

Sultan serah 21 watikah  
jawatan Mahkamah Syariah  
MUKA 5

Diburu ceti, usahawan  
bangkit dari derita  
MUKA 17

Negeri serius tangani isu cemar sumber air

## Denda RM1 juta, penjara tiga tahun

OLEH NORRASIDAH ARSHAD

**SUBANG JAYA** - Individu yang didapati bersalah mencemar sumber air di Selangor berdepan hukuman lebih berat, denda sehingga RM1 juta dan penjara tiga tahun.

Pindaan hukuman bawah Seksyen 79 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Luas) 1999 akan dibentangkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada November ini, kata Dato' Menteri Besar.

"Denda RM100,000 akan dipinda kepada nilai tidak kurang RM200,000 dan tidak lebih RM1 juta serta boleh dipenjarakan tidak lebih tiga tahun," kata Dato' Seri Amirudin Shari ketika sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat negeri pada 26 September.

Seksen itu sebelum ini memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah.

Teka ucapan beliau dibacakan EXCO Infrastruktur Ir Izhom Hashim di USJ River Front di sini ketika majlis pelancaran serentak program Friends of River. Turut hadir Pengarah Luas, Dato' Ir Hashim Osman.

Menegaskan Kerajaan Negeri memandang serius isu pencemaran sungai, Amirudin berkata Luas turut menambah baik Enakmen Luas meliputi keseluruhan pengurusan sumber air.

Katanya, Skwad Pantas juga ditubuhkan bagi mengawal 24 jam kawasan sensitif sumber air di lembangan Sungai Selangor, Sungai Langkat dan Sungai Klang.

Beliau berkata penubuhan itu kesi-nambungan Ops Sumber Air yang disertai pelbagai agensi sejak Mac hingga kini bagi memperketat kawalan dan penguatkuasaan.

"Sebanyak tujuh insiden pencemaran yang berpotensi menyebabkan henti tugas Loji Pembersihan Air (kod kuning) dan gangguan bekalan air dapat dikecang melalui Ops Sumber Air," katanya.

**BERITA BERKAITAN MUKA 2 & 3**



Ir Izhom Hashim (tengah) memotong riben simbolik pembukaan Persiaran Shorea di Seksyen U15, Shah Alam pada 28 September 2020. Foto Oleh Asri Sapte

### Persiaran Shorea beri manfaat lebih 20,000 penduduk

**SHAH ALAM** - Persiaran Shorea di City of Elmina dekat sini yang dibuka secara rasmi pada 29 September memberi kelegaan kepada lebih 20,000 penduduk setempat yang mengalami kesesakan.

Pengarah urusan kumpulan pemaju kawasan berkenaan Sime Darby Property berkata pengguna dari Taman Saujana Utama dapat menikmati masa perjalanan ke Lebuhraya Koridor Guthrie.

"Di samping membantu penyiraitan trafik, jalan ini berupaya menjimatkan masa sebanyak 20 minit bagi penduduk Elmina Green yang mahu ke Elmina Central Park," kata Dato' Azmir Merican pada majlis perasmian jalan tersebut pada 28 September.

Beliau berkata persiaran itu juga membantu perjalanan dari City of Elmina ke Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) yang dijadual siap akhir tahun ini.

Laluan sepanjang 4.43km bermula di Taman Saujana Utama hingga ke Pusat Bandar Elmina.

Majlis perasmian disempurnakan EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izhom Hashim.

la turut disertai EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan Mohd Khairuddin Othman, Dato' Bandar Shah Alam Dato' Haris Kasim, Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property Berhad Dato' Azmir Merican dan Ahli Parlimen Sungai Buloh R Sinarasa.

Pembinaan persiaran dengan kos RM60 juta siap sepenuhnya tahun lalu tetapi pembukaannya tergendala berikutan masalah haiwan ternakan berkeliaran di kawasan itu.

**BERITA BERKAITAN MUKA 5**

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

## Tubuh jawatankuasa pulih sungai

**SUBANG JAYA** - Satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi merancang dan memantau program pemuliharaan sungai di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Jawatankuasa Pelaksanaan Pemuliharaan Sungai Negeri Selangor kendalian Lembaga Urus Air Selangor (Luas) merangkumi dasar dan strategi.

"Strategi pertama menyentuh pembangunan fizikal sungai seperti menaik taraf struktur tebing, lanskap dan pusat maklumat manakala strategi kedua berkenaan peningkatan kebersihan rizab serta kualiti sungai," katanya pada 26 September.

Kerajaan Negeri turut mengkaji insentif kepada pemberi maklumat kes pencemaran atau kegiatan berisiko yang mengundang masalah air.

## Kolam takungan rawat air tercemar

**SHAH ALAM** - Kolam takungan banjir di Sungai Gong, Gombak akan dijadikan lokasi pembendung pencemaran air, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim berkata air yang tercemar akan dibendung dan dirawat di lokasi berkenaan sebelum dialirkan semula ke laluan Sungai Sembah.

"Cadangan ini akan diluluskan segera kerana kita tidak mahu timbul lagi isu pencemaran hingga beri masalah besar. Kolam itu seluas 6.07 hektar. Kita bercadang tambah 4.04 hektar lagi untuk itu," katanya pada 27 September.

Beliau turut menjelaskan kaedah merawat air tercemar juga sedang dikaji supaya kebersihan sumber bekalan terjamin sebelum ia disalur kepada pengguna.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

## 30 kumpulan pantau sumber air

**SUBANG JAYA** - Kerajaan Negeri melancarkan 30 kumpulan Friends of River (FoR) bagi menanam sikap bertanggungjawab masyarakat terhadap sungai.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata FoR memberi tumpuan kepada usaha pemuliharaan 30 sungai di negeri ini.

"FoR bertindak sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dalam memantau

sebarang aktiviti melibatkan sungai dan sumber air.

"Saya percaya jumlah ini akan bertambah lebih banyak secara berperingkat," katanya sempena sambutan Hari Sungai Sedunia pada 26 September. Teks ucapan itu dibacakan EXCO Infrastruktur, Ir Izham Hashim.

Amirudin juga berkata sebanyak RM1 juta diperuntukkan tahun depan bagi

mengembangkan pelaksanaan FoR sekali gus memelihara sumber air.

"Kerajaan Negeri mengedarkan kit pemantau kualiti air sungai kepada semua FoR secara berperingkat.

"Kita harapkan setiap FoR melaksanakan aktiviti secara konsisten dan berterusan, contohnya gotong-royong sungai seminggu sekali atau dua kali sebulan," katanya.

## Luas guna dron jejak pencemaran

**SUBANG JAYA** - Lembaga Urus Air Selangor (Luas) menggunakan dron untuk memantau sumber air bagi memastikan tiada pencerobohan dan pencemaran.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim berkata teknologi itu juga boleh mengambil sampel air

dan memberi amaran awal jika mengesan sebarang kegiatan mencurigakan, lapor Sinar Harian.

Katanya, projek perintis itu membuktikan Kerajaan Negeri serius menangani isu pencemaran sumber air selain menubuhkan Skuad Pantas yang memantau lem-

baran Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang.

"Op Sumber Air dilaksana oleh Luas sejak Mac berjaya mengelak tujuh insiden pencemaran yang boleh menyebabkan henti tugas LRA (Loji Rawatan Air) dan gangguan bekalan air," kata beliau.

## Bekalan air cukup hingga 2065

**SUBANG JAYA** - Bekalan air untuk kegunaan domestik dan perindustrian di Selangor mencukupi hingga 2065, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata jaminan itu selaras pembangunan sistem bekalan air bagi mempertingkatkan sumber melalui projek takungan Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (HORAS) 3000 dan Sungai Rasau.

"Ini hasil kajian dilakukan Kerajaan Selangor berhubung sumber, bekalan dan agihan air negeri ini. Pembangunan bekalan air ini akan melibatkan kos tinggi.

"Hingga Ogos lalu, semua empangan mencatat kapasiti takungan air melebihi 95 peratus ekoran taburan hujan tinggi di kawasan tadahan," katanya pada 26 September lalu.

Amirudin berkata peratusan kapasiti yang tinggi mampu menampung bekalan air mentah muka sauk loji pembersihan sepanjang tiga bulan jika tiada hujan.

"Status semasa ini menunjukkan Selangor ada sumber mencukupi untuk kegunaan rakyat, namun insiden pencemaran berlaku seperti baru-baru ini menyebabkan gangguan bekalan air terawat tidak berjadual," katanya.